

Tiada hasrat rungkai hak Melayu, kaum lain

Kontrak sosial sudah diterjemah dalam Perlembagaan: TPM

Oleh Misiah Taib

ALOR GAJAH: Hak serta kedudukan orang Melayu dan bukan Melayu di negara ini sudah diperincikan dalam Perlembagaan dan kerajaan tidak berhasrat untuk merungkainya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, apa yang ada sekarang ialah konsep kewarganegaraan Malaysia yang berasas kepada permuafakatan kaum, yang sudah wujud sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Itu yang kita sebut kontrak sosial. Ia sudah diterjemahkan dalam Perlembagaan, dengan memperincikan hak serta kedudukan orang Melayu dan hak serta kedudukan orang bukan Melayu.

"Jadi semuanya sudah termaktub dalam Perlembagaan dan kita tidak berhasrat merungkai apa yang sudah ditetapkan," katanya selepas majlis penyampaian hadiah Kejohanan Golf Umno Malaysia 2006 di A'Famosa Resort, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, bahawa konsep yang mirip Malayan Union dan Malaysian Malaysia tidak boleh diterima.

Abdul Ghani berkata, walau dengan menggunakan apa nama sekalipun, konsep itu tidak boleh diterima kerana ia bertentangan dengan idea kenegaraan diwarisi dalam perjuangan Umno dan orang Melayu.

Katanya, atas nama globalisasi, wujud kecenderungan sesetengah pi-

hak untuk menuntut supaya semua orang menerima apa saja prinsip sejagat sehingga menafikan idea kenegaraan warisan.

Najib yang juga Timbalan Presiden Umno menegaskan, Malayan Union bukan sesuatu yang boleh diterima oleh rakyat negara ini dan sebab itulah ia ditolak.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata, kejohanan golf seperti itu diteruskan pada masa akan datang kerana ia menjadi wadah penting ke arah mengeratkan lagi perasaan kekeluargaan di kalangan ahli Umno.

"Kejohanan seperti ini bukan sekadar kejohanan semata-mata tetapi lebih penting ia dapat memupuk hubungan mesra, setia kawan dan kekeluargaan sesama kita ke arah menyemarakkan lagi perjuangan

dalam parti.

"Kalau berjumpa pada majlis rasmi lain, kerana perbualan kita agak serius dan terhad. Bila bermain golf, bersama-sama selama empat hingga lima jam kita berpeluang berbual mesra, untuk mengenali lebih dekat satu sama lain.

"Di sinilah letaknya nilai penting. Bila main golf, tiada sekatan atau batasan, mahupun protokol. Kita ada sesuatu keseronokan bila bermain golf, di samping kita dapat menambah ramai kawan," katanya.

Pasukan dari Selangor yang mengumpul 296 mata muncul juara Piala Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi; diikuti pasukan Wilayah Persekutuan (294 mata) di tempat kedua dan ketiga, Perak (289 mata).

BH- 4/12/2006